



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI SELANGOR

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200
Faks: 603-5520 5281
Laman Web:
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Ruj Kami : ANM.(SEL).G.100-10/3/1(40)
Tarikh : 7 April 2022

Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Dibawah Seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI BERGAJI HARI BULAN APRIL 2022 DIAWALKAN DARI TARIKH YANG DIJADUALKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah dimaklumkan melalui Jadual Tarikh Proses Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Tahun 2022, tarikh bayaran gaji bulan April 2022 bagi pegawai MYSTEP di bawah seliaan JANM Negeri Selangor adalah pada 12 Mei 2022. Manakala tarikh akhir bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyempurnakan simulasi di Sistem Emolumen Berkomputer (HCM) adalah pada 5 Mei 2022. Walaubagaimanapun, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengambilkira tarikh perayaan Aidilfitri dalam tempoh tersebut dan dimaklumkan bahawa pengecualian diberi keatas Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5 Tahun 2021 – Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2022 bagi pembayaran gaji pegawai bergaji hari bulan April 2022.

3. Sehubungan dengan itu, dengan mengambilkira ketetapan **Arahan Perbendaharaan 105** yang membenarkan pembayaran emolumen kepada pegawai bergaji hari dibayar lebih awal iaitu tidak lebih daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh hari perayaan yang berkenaan, maka tarikh pemprosesan dan pembayaran gaji April 2022 bagi pegawai MYSTEP melalui sistem HCM adalah ditetapkan seperti berikut:

Tarikh akhir PTJ simulasi : 25 April 2022 sebelum pukul 11.00 pagi
Tarikh proses gaji di Pejabat Perakaunan : 26 April 2022
Tarikh pembayaran gaji MYSTEP : 28 April 2022

4. Pengecualian kepada SPANM Bil. 5 Tahun 2021 ini juga dipanjangkan untuk pembayaran gaji pegawai bergaji hari yang tidak diproses melalui sistem HCM iaitu yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (iGFMAS). Bayaran boleh dilaksanakan bermula 28 April 2022 dan tertakluk kepada perenggan 3.1.5 SPANM Bil 5 Tahun 2021.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon untuk memastikan pengecualian ini hanya terpakai untuk pembayaran gaji pegawai bergaji hari bagi bulan April 2022 sahaja.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(MAHINDER SINGH A/L JOGINDER SINGH C.A.(M))

Ketua Penolong Pengarah

Seksyen Operasi

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel: 03 5520 5203

No. Faks: 03 5520 5281

E-mel: mahinder@anm.gov.my